



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 23 MAC 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	MAQIS SEIZES 25,200KG OF DATES FROM SAUDI ARABIA, NEWS IN BRIEF, NST -20 MAQIS RAMPAS KURMA RM141K, LOKAL, HM -18 25 TAN KURMA STOK RAMADHAN DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4. 5. 6. 7.	PENGELUARAN TELUR MELEBIHI KEPERLUAN, KOSMO -ONLINE DVS PERLU PASTIKAN TELUR AYAM SELAMAT SEBELUM DIEKSPORT -MAFI, UTUSAN BORNEO -ONLINE EGG FARM SUSPENSION LIFTED, BUSINESS/NEWS, NST -32 CES 008, SIN CHEW DAILY -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
8. 9.	NAFAS BEKAL BENIH PADI BERKUALITI, SH -ONLINE SIN CHEW DAILY -ONLINE	PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (NAFAS)
10. 11.	SISTEM SALIRAN SAWAH PERLU DIBINA SEGERA, NEGERI PAHANG/TERENGGANU, SH -26 SEGERA BINA SISTEM SALIRAN SAWAH, SH ONLINE	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)
12. 13. 14. 15. 16. 17.	KERANG MATI DAN BUSUK, PENTERNAK DAKWA KERUGIAN RM700,000, ASTRO AWANI -ONLINE RUGI 700,000 TERNAKAN KERANG MATI AKIBAT PENCEMARAN, NASIONAL, BH -38 BINA PELABUHAN ANCAM PENYU KARAH, DALAM NEGERI, UM -12 POTENSI TANAMAN SACHA INCHI, GAYA TANI, UM -24 LAST STAND FOR SABAH'S WILD PIGS?, MUKA DEPAN, THE STAR -1 STALKED BY A KILLER VIRUS, ECOWATCH, THE STAR -2	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/3/2021	NST	NEWS IN BRIEF	20

Maqis seizes 25,200kg of dates from Saudi Arabia

KLANG: The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) seized 25,200kg of dates that did not meet import permit conditions at Westport, Port Klang, here last Saturday. Selangor Maqis acting director Zamri Hashim, in a statement yesterday, said the seizure worth RM141,229.44 was made following an inspection carried out by enforcement officers around 11am. He said the Saudi Arabian dates were seized for not complying with the 3P certificate (grading, packaging and labelling). The case is being investigated under Section 15(1) of the Malaysia Quarantine and Inspection Services 2011, which carries a maximum fine of RM100,000 or jail of up to six years, or both, upon conviction. **Bernama**



MAQIS merampas 25,200kg kurma daripada Arab Saudi.

Maqis rampas kurma RM141k

Pelabuhan Klang: Cubaan sebuah syarikat tempatan membawa masuk 25,200 kilogram (kg) buah kurma dari Arab Saudi menerusi Pelabuhan Barat, dekat sini, gagal apabila ditahan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor pada Sabtu lalu.


Pemangku Pengarah Maqis Selangor Zamri Hashim berkata, rampasan itu dibuat pada jam 11 pagi selepas pemeriksaan rutin dilakukan oleh pegawai penguat kuasa Maqis.

"Barang dagangan tersebut 25,200 kg berkenaan dianggarkan bernilai RM141,229.44 ditahan kerana tidak mematuhi syarat seperti yang dinyatakan pada permit import Maqis iaitu tidak mematuhi Sijil Perakuan 3P Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan.

"Kegagalan mengemukakan maklumat tersebut adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali mengikut Seksyen 15(2) Akta yang sama," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, kurma berkenaan dipercayai dibawa masuk ke negara ini untuk Ramadan yang bermula pada April ini.

Katanya, Maqis mengambil serius dalam isu membabitkan keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak yang boleh mengancam kelestarian makanan negara.



SEBAHAGIAN kurma yang dirampas Maqis di Pelabuhan Klang Barat, Klang, Sabtu lalu.

25 tan kurma stok Ramadan dirampas

KLANG – Cubaan sebuah syarikat pembekalan makanan membawa masuk 25 tan kurma dari Arab Saudi dipercayai untuk stok menjelang Ramadan gagal selepas dirampas di Pelabuhan Klang Barat di sini, Sabtu lalu.

Pengesanan penyeludupan kurma yang tidak mematuhi syarat permit dilakukan pada pukul 11 pagi, Sabtu lalu hasil pemeriksaan rutin Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor.

Pemangku Pengarahnya, Zamri Hashim berkata, siasatan mendapati keseluruhan stok

kurma itu tiba di pelabuhan berkenaan sejak 18 Mac lalu dari Arab Saudi.

Katanya, stok-stok itu diper-caya untuk bekalan pasaran tempatan kepada masyarakat negara ini yang bakal menjalani ibadah puasa bulan depan.

“Hasil pemeriksaan mendapati 25 tan kurma itu tidak mematuhi syarat pada permit import Maqis iaitu Sijil Perakuan 3P meliputi pengedaran, pembungkusan dan pelabelan.

“Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan RM141,229.44,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau menjelaskan, pihaknya mengambil serius dalam isu melabatkan keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak yang boleh mengancam kelestarian makanan negara.

Sehubungan itu, Zamri menegaskan kes disiasat mengikut Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

“Sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan sehingga enam tahun atau kedua-duanya sekali di bawah Seksyen 15(2) akta yang sama,” jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/3/2021	KOSMO	ONLINE	

Pengeluaran telur melebihi keperluan



PUTRAJAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memaklumkan pengeluaran telur ayam dalam negara sebanyak 1,020 juta biji sebulan adalah melebihi keperluan bulanan iaitu 900 juta biji sekali gus dapat menampung keperluan pengguna buat masa ini.

Pengarah Penguat Kuasanya, Azman Adam berkata, pemantauan pihaknya mendapati, bekalan telur daripada syarikat lain mampu menampung keperluan pengguna buat masa ini walaupun berlaku penarikan semula telur oleh Singapura daripada pasarannya berikutan dakwaan penemuan Salmonella Enteritidis (SE).

"Berdasarkan pemantauan, aktiviti penarikan semula telur di premis yang menjual telur keluaran syarikat terbabit dilakukan secara sukarela.

"Tujuan pemantauan adalah untuk memastikan bekalan telur tidak terjejas selain melihat sama ada berlaku pembelian panik ke atas bekalan telur daripada jenama yang lain," katanya dalam kenyataan akhbar di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Azman berkata, KPDNHEP akan mendapatkan kerjasama industri untuk menampung keperluan dan permintaan kawasan yang terjejas sekiranya terdapat arahan penarikan balik bagi pasaran telur domestik.

"KPDNHEP juga bekerjasama rapat dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kementerian Kesihatan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar," katanya.

"Pengguna dinasihatkan agar tidak panik dan mendapatkan maklumat sahih daripada pihak berwajib serta menyalurkan aduan berkaitan perkara tersebut melalui portal <https://e-aduan.kpdnhep.gov.my>.

"Aduan juga boleh dibuat menerusi WhatsApp di talian 019-2794317 atau melalui pusat panggilan 1-800-886-800," katanya.

Pada 13 Mac lepas, Singapura telah mengarahkan empat pengimport menarik balik telur yang dihasilkan Lay Hong Bhd. Layer Farm Jeram, Selangor daripada pasaran negara tersebut.

Terbaharu pada 20 Mac, Singapura menarik balik telur yang diimport daripada sebuah lagi ladang Malaysia dan Agensi Makanan Singapura (SFA) memaklumkan telur terbabit mempunyai cetakan kod 'CEM014'. -KI ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/3/2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

DVS perlu pastikan telur ayam selamat sebelum dieksport - MAFI



Seorang pekerja runcit sedang menyusun telur ketika tinjauan di sebuah kedai runcit di sekitar kota berikutan Singapura menarik balik telur yang diimport dari sebuah lagi ladang di Malaysia selepas mengesan kehadiran bakteria Salmonella Enteritidis (SE). - Gambar Bernama

Seorang pekerja runcit sedang menyusun telur ketika tinjauan di sebuah kedai runcit di sekitar kota berikutan Singapura menarik balik telur yang diimport dari sebuah lagi ladang di Malaysia selepas mengesan kehadiran bakteria Salmonella Enteritidis. - Gambar Bernama

BALIK PULAU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mahu Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mengambil langkah segera bagi memastikan telur ayam yang dieksport adalah selamat

dan tidak dicemari bakteria Salmonella Enteritidis (SE).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata langkah itu penting agar pemantauan dan pembedahan dapat dilakukan segera dan tidak menimbulkan masalah di negara pengimport.

"DVS kena kenal pasti telur ayam yang selamat supaya bila dihantar ke Singapura tidak timbul masalah ia tidak selamat atau mengandungi bakteria SE...Sepatutnya kita kena kesan dulu sebelum dieksport ke sana (Singapura)," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Seri Pulau, di sini hari ini.

Menurutnya, MAFI juga masih menunggu laporan penuh daripada DVS mengenai isu telur ayam tercemar bakteria SE yang datangnya dari ladang ayam di negara dan telah dikesan di Singapura.

Semalam, Agensi Makanan Singapura (SFA) mengarahkan untuk menarik balik telur ayam yang mempunyai cetakan kod 'CEM014, diimport dari sebuah lagi ladang di Malaysia setelah mengesan kehadiran bakteria SE.

SFA dilaporkan berkata pihaknya telah mengarahkan empat pengimport untuk menarik balik produk tersebut sebagai langkah berjaga-jaga, memandangkan bakteria SE boleh menyebabkan penyakit bawaan jika telur berkenaan dimakan mentah atau tidak dimasak dengan betul.

Dalam isu berasingan, Che Abdullah berkata pada tahun ini, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM35.6 juta kepada 212 Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di seluruh negara dalam usaha membantu melaksanakan projek perusahaan kecil dan melahirkan lebih ramai usahawan peladang dalam kalangan 900,000 ahlinya.

"MAFI melalui LPP bersedia membantu dari segi aspek peruntukan pembangunan projek dan menjadi penyelaras bagi memastikan ahli bergerak lebih progresif dan dapat menambah pendapatan di samping meningkatkan ekonomi serta memastikan bekalan makanan dalam negara mencukupi," katanya.

Dalam pada itu, katanya MAFI juga bersetuju dengan cadangan LPP Pulau Pinang untuk menjadikan PPK Seri Pulau sebagai agro edutourism kerana terletak di lokasi yang strategik dan mampu menarik pelancong bagi melihat sendiri projek pertanian di negeri ini.

PPK Seri Pulau mempunyai pbagai projek pertanian seperti penanaman cendawan, sayur konvensional dan akuaponik membabitkan peruntukan RM812,010 dengan melibatkan 20 usahawan peladang dan berpotensi untuk terus dimajukan. - Bernama

LAY HONG'S JERAM 1 PRODUCTION

EGG FARM SUSPENSION LIFTED

Dept says SE contamination could have happened along marketing supply chain

KUALA LUMPUR


LAY Hong Bhd's egg production suspension from its Jeram 1 farm in Selangor has been lifted after a test conducted by the Veterinary Services Department (DVS) returned negative for salmonella enteritidis (SE).

Lay Hong said a comprehensive investigation was conducted by DVS, which included testing on eggs, chicken faeces, cloacal swab, feed and water.

The tests were completed after more than a week of suspension since SE was found in CES 008 eggs exported from Jeram Farm 1 to Singapore.

Lay Hong executive director Datuk Yap Chor How said the results had shown that it was unlikely that the SE contamination occurred at any of its farms.

"As mentioned by DVS, SE contamination did not occur within



The Veterinary Services Department's comprehensive investigation has been completed after more than a week. PIC BY HAZREEN MOHAMAD

our farms and could possibly happen along the supply to the marketing chain.

"We will leave this for the authority to investigate. Going for

ward, we will continue to work with the DVS to strengthen the control and monitoring of our farm."

Yap said following the negative

SE results, DVS would now initiate engagement with the Singapore Food Agency (SFA) in regards to the matter.

He is hopeful that Singapore would lift the export suspension for its Jeram 1 farm as soon as possible.

On a recent announcement by SFA and AEON Co (M) Bhd about the recall of eggs coded CEM 014, Yap said it was not a product of Lay Hong nor was it produced in any of its farms.

"We would like to apologise to our customers and stakeholders for any misunderstanding. All Lay Hong brands of eggs are safe for human consumption."

Lay Hong shares closed 1.49 per cent higher to 34 sen yesterday.

A week ago, the stock went down as low as 33.5 sen, or 6.9 per cent, in early trade after SFA directed four importers to recall eggs from Lay Hong's Layer Farm Jeram.

獸醫局：養雞場樣本化驗顯示

CES 008 雞蛋沒含沙門氏菌

(八打灵再也21日讯) 大马兽医局 (JPV) 指出, 根据样本化验结果显示, 雪州而榄CES 008养鸡场所生产的鸡蛋并没有被检验出肠炎沙门氏菌 (Salmonella enteritidis)。

该局今日发文告说, 有鉴于此, 兽医局也会和新加坡食品局进一步商讨此事。

文告表示, 该局抽取养鸡场的泄殖腔涂片、粪便涂片、鸡蛋样本、食物和饮用水的样本, 并在沙叻丁宜的实验室进行化验, 惟化验结果显示和肠炎沙门氏菌无关。

“此外, 该局也对CEM 014养鸡场

进行调查和采取样本化验。”

文告指出, 兽医局通过国家动物疾病监控计划, 加强全国276个蛋鸡场的肠炎沙门氏菌监测项目, 以确保所有鸡蛋供应都是安全的。

文告说, 全世界几乎都会发生肠炎沙门氏菌感染, 有可能是生物安全和农场卫生不良耕作, 或者不妥善处理鸡蛋而导致在销售环节中出现污染。

文告表示, 消费者受促确保所购买的鸡蛋是干净、无粪便污染、存放在合适的地方, 一定要煮熟才食用。

文告说, 肠炎沙门氏菌是可在超过摄氏71度的高温下被杀灭。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/3/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Nafas bekal benih padi berkualiti



Penggunaan benih padi sah adalah amalan pertanian yang baik bagi memastikan pengeluaran padi daripada sumber benih berkualiti, menjamin ketulenan varieti serta mengurangkan populasi padi angin. Gambar kecil: Rozaidi

TANJONG KARANG- Pelantikan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) sebagai pemborong tunggal dalam program Insentif Benih Padi Sah (IBPS) bukan sahaja mampu membekalkan benih lebih berkualiti dan bermutu tinggi malah dapat mengurangkan risiko rintang penyakit dan risiko padi angin.

Pengarah Kawasan Pembangunan Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor, Rozaidi Abdul Rahman berkata, pengedaran benih padi sah itu sekali gus mampu meningkatkan kadar pengeluaran beras negara dan hasil pendapatan pesawah secara keseluruhannya.

"Kita yakin benih padi sah yang dibekalkan Nafas ini dapat menambahkan hasil pengeluaran padi dan pendapatan secara konsisten pada masa depan," katanya kepada Sinar Harian dalam wawancara khas di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tanjong Karang di sini pada Jumaat.

Rozaidi berkata, selain itu, inisiatif IBPS juga mampu mengatasi pelbagai isu dan permasalahan yang dialami oleh pesawah sebelum ini.

"Mekanisme ini sekali gus dapat memastikan pesawah mendapat bekalan padi sah dan memenuhi permintaan pasaran serta menghapuskan pembelian benih padi secara haram," katanya.

Menurut Rozaidi, penggunaan benih padi sah adalah amalan pertanian yang baik bagi memastikan pengeluaran padi daripada sumber benih berkualiti, menjamin ketulenan varieti serta mengurangkan populasi padi angin.

Katanya, pelaksanaan IBPS di Selangor amat bersesuaian kerana ia dapat meningkatkan keutamaan IADA bagi pelaksanaan 'satu blok, satu varieti', sekali gus menyelesaikan masalah kawalan benih padi.

"Di Selangor sebelum ini misalnya, kita ada kira-kira 15 varieti, tetapi dengan program benih padi sah dibekalkan Nafas kita telah hadkan kepada enam varieti padi sahaja iaitu MR 297, MR219, MR269, MR303 dan MR307.

"Dengan adanya enam varieti ini, kita berharap pesawah dapat mematuhi jadual air ditetapkan bagi meningkatkan hasil pengeluaran," katanya.

Beliau juga berharap program IBPS yang dikendalikan Nafas itu dapat dipertingkatkan pada masa akan datang.

"IADA sedang mengemas kini proses penanaman dan kita menggalakkan ketua-ketua blok menyertai program 'satu blok, satu varieti'. Dengan ini kita berharap dapat menyelesaikan masalah kualiti padi dan mengurangkan potongan hasil di peringkat pengilang," katanya.

Sehingga kini katanya, kawasan padi di IADA Barat Laut Selangor seluas 18, 784 hektar membabitkan seramai 9,754 pesawah dengan purata hasil pengeluaran sebanyak 174, 433 tan metrik.

Dalam pada itu, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah (AJP) PPK Tanjong Karang, Mohd Ruzi Abu Hassan berterima kasih kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yang melantik Nafas sebagai pemborong tunggal dalam IBPS, seterusnya mengagihkan kepada PPK seluruh negara.

"PPK Tanjong Karang turut memainkan peranan dalam inisiatif itu bagi mengagihkan dan membekalkan benih padi sah kepada pesawah di kawasan terbabit," katanya.

Beliau berkata, pihaknya komited dalam memastikan benih padi sah yang diedarkan berkualiti bagi memastikan bekalan ada dalam pasaran dengan harga kurang RM35 setiap 20 kilogram (kg) satu beg.

"Kita tidak akan menjual harga melebihi RM35 satu beg kerana kita memahami di luar sana pelbagai masalah timbul termasuk harga padi yang jauh lebih tinggi.

"Sehubungan itu, kita berharap pesawah di kawasan tanaman sekitar Tanjong Karang tidak bimbang dengan kemampuan PPK dalam memastikan bekalan benih padi sah mencukupi untuk keperluan penanaman padi," katanya.

Mohd Ruzi juga berharap, pengagihan benih padi sah dapat dipertingkatkan pada musim tanaman akan datang.

"Sehingga kini, kita telah mengagihkan lebih 6,280 benih padi sah kepada pesawah di kawasan seluas 5,586 hektar pada musim tanaman lalu," katanya.

Ditanya mengenai stok bekalan benih padi pada masa ini di kawasan Tanjong Karang, Mohd Ruzi berkata, masalah itu hanya dihadapi pada peringkat awal dan berjaya diselesaikan.

"Kerjasama baik antara kerajaan dan Nafas membolehkan kita dapat menyelesaikan masalah ini dengan kadar segera," katanya.

Beliau berkata, pengagihan benih padi akan melalui beberapa peringkat sebelum diserahkan kepada pesawah.

"Benih padi ini akan menggunakan pengangkutan daripada Nafas dan kemudian dihantar kepada PPK Tanjong Karang mengikut tempoh ditetapkan," katanya.

Menurut Pengurus Besar PPK Tanjong Karang, Hashim Abdul Hamid berkata, pihaknya komited memastikan benih padi sah yang diterima pesawah dipertingkatkan pada musim tanaman akan datang.

"Insya-ALLAH pada musim kedua, kita akan menambah lagi untuk pengagihan benih padi sah yang lebih baik," katanya.

Beliau berkeyakinan pengedaran benih sah itu memberi manfaat kepada kira-kira 2,600 pesawah di kawasan Tanjong Karang.

Hashim berkata, terdapat dua kaedah digunakan bagi pengedaran benih padi iaitu kepada ladang benih dan pesawah secara terus menerus.

Menurut beliau, pengedaran benih padi sah itu secara tidak langsung dapat menangani pelbagai isu membabitkan pesawah pada sebelum ini.

"Kita sedang menambah baik cara rantaian pengedaran kepada pesawah dan syarikat yang menggunakan sistem calit tapak samaian secara komprehensif," katanya.

Beliau berkata, PPK Tanjong Karang mempunyai gudang dan dua pukal bagi penyimpanan padi sah.

"Bagi pengedaran padi biasa kepada pesawah, kita membuat pesanan kepada Nafas dan seterusnya membuat penghantaran di kawasan PPK Tanjong Karang.

"Pada waktu pengedaran, kita akan meminta pesawah sama ada berada di premis kami atau pun mengambilnya dalam tempoh yang telah ditetapkan," katanya.

Hashim berkata, pengedaran padi sebelum ini dilakukan melalui 'orang tengah' selain berdepan manipulasi benih padi sah dan harga di lapangan menerusi pembelian tanpa kawalan oleh pelbagai pihak di pintu kilang.

"Penstrukturan semula ini membolehkan Nafas melalui PPK menguruskan rantaian ini dengan lebih baik bagi menetapkan penghantaran dan juga pengambilan benih padi terbabit.

"Dengan cara ini, pesawah dapat memperoleh benih padi sah terus sampai ke sawah mereka tepat pada waktunya," katanya.

Mengulas mengenai sambutan dalam kalangan pesawah menerusi inisiatif IBPS itu, Hashim berkata, setakat ini sambutan diterima sangat baik.

"Walaupun ada rungutan tertentu, tetapi apabila penghantaran bekalan benih itu berkualiti, masalah ini tidak timbul dan paling penting PPK bertanggungjawab untuk menentukan kualiti padi sah.

"Pengeluar benih dan Nafas juga sentiasa bersama PPK turun padang untuk melihat prestasi kesuburan benih padi sah ini," katanya.

Hashim berkata, benih padi sah yang dikeluarkan itu mampu menentukan 70 peratus kejayaan hasil pengeluaran padi.

"Kita berharap pada musim depan, kita akan tambah baik lagi supaya pengeluaran hasil lebih efisien dan meningkat," katanya.

Sementara itu, rata-rata pesawah amat berpuas hati berikutan pelantikan Nafas sebagai pemborong tunggal bagi mengendalikan pengagihan benih padi sah.

Seorang pesawah, Mohamad Mohassim Mohd Ali, 61, berkata, penetapan harga itu dianggap menguntungkan pesawah.

"Sebelum ini pesawah terpaksa membeli benih padi pada harga jauh lebih tinggi sehingga RM70 setiap 20 kg beg," katanya.

Beliau yang mengusahakan sawah seluas 12 hektar turut merasai kesan akibat manipulasi harga benih daripada pihak pengilang.

"Saya menganggap harga benih padi RM35 setiap 20kg pada tahap rendah dan menguntungkan pesawah yang kini berdepan pelbagai masalah terutama hasil pengeluaran yang semakin menurun," katanya.

Sementara itu, pesawah muda, Mohd Yazid Basir, 35, berkata, harga benih padi sah ditawarkan Nafas itu berpatutan dan diyakini lebih berkualiti.

Mohd Yazid yang mengusahakan sawah seluas 1.2 hektar berkata, pengagihan benih padi sah juga secara tidak langsung dapat menarik minat golongan muda untuk menceburi sektor pertanian itu.

"Jika sebelum ini, harga benih padi berubah-ubah, tetapi dengan mekanisme penetapan harga ini kami dapat meningkatkan lagi hasil pengeluaran.

"Saya yakin Nafas mampu memainkan peranan besar dalam memastikan industri padi negara dapat berkembang sekaligus memenuhi permintaan pasaran," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/3/2021	SIN CHEW DAILY	ONLINE	

全国农民组织助减成本·获委 分销 批发合格稻种

全国综合

+ 关注

广告



在津贴合格稻种分发计划下受惠的丹绒加弄稻农莫哈末莫哈欣（61岁），拥有30公顷稻田。

（丹绒加弄21日讯）全国农民组织（NAFAS）去年11月获农业及食物工业部委任，作为分销和批发农业部旗下津贴合格稻种分发计划（IBPS）予稻农的唯一组织，矢言要避开稻农向米厂和中盘商以贵价购买谷种的困难，帮助稻农提高产量和减低种稻成本。

马新社报道，津贴合格稻种分发计划是农业部的一项津贴和奖掖机制，以帮助米粮生产者即稻农。

雪州西北区综合农业发展区主任罗再迪认为，农业部选择全国农民组织批发和分销津贴合格稻种，因为该组织有能力管控稻种品质，包括剔除不合格的稻种，在保障稻种品质的前提下，让稻农取得良好稻米收成。

“如果稻种无法长出稻禾，我们会尽快把稻种替换给稻农。”

全国农民组织在西马有145个分部，因此被农业部相中，成为分销及批发津贴合格稻种的唯一组织。

丹絨加弄农民组织董事主席莫哈末鲁兹认为，津贴合格稻种计划帮助稻农减轻一半的稻种成本和提升产量，并把稻种顶价维持在每20公斤35令吉，相当合理。

广告

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/3/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PAHANG/TERENGGANU	26

Sistem saliran sawah perlu dibina segera

Sistem pengairan tidak sempurna menyebabkan padi kurang menjadi

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Pesawah skim paya Kampung Merchong, Pekan merayu pihak berkaitan menyegerakan pembinaan sistem saliran di sawah padi.

Ketua Kumpulan Pengguna Air (KPA), Mansor Ali berkata, sistem saliran membolehkan pesawah dapat meneruskan tanaman padi setiap tahun tanpa bergantung kepada air hujan.

Menurutnya, sistem pengairan tidak sempurna menyebabkan padi kurang menjadi.

“Ada pesawah tidak mahu teruskan aktiviti penanaman padi kerana sukar dapatkan air.

“Permohonan untuk dapatkan sistem saliran sudah lama disuarakan, tetapi sehingga kini masih belum ditunaikan,” katanya ketika dihubungi pemberita pada Isnin.

Mansor menambah, sebelum ini semua pesawah mula menanam padi pada musim tengkujuh kerana bergantung pada hujan dan menggunakan sistem tabur tanpa air.

Bagaimanapun katanya, padi tidak boleh membesar dan



Kekurangan bekalan air menyebabkan padi kurang menjadi.

pesawah pula berdepan kerugian kerana air tidak mencukupi.

Selain itu, beliau berkata, pesawah memerlukan modal RM3,000 bagi mengusahakan satu petak sawah semusim.

“Kebanyakan pesawah membuat pinjaman bank sebagai modal, tetapi mereka terpaksa berhutang apabila tanaman tidak menjadi.

“Ramai pesawah tidak dapat membayar hutang apabila sawah yang diusahakan tidak menjadi disebabkan bekalan air tidak mencukupi,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pekan, Muhamad Khalil Idris berkata, seluas 4,113 hektar sawah di skim Merchong dan sebelum ini pesawah menanam padi hanya dapat dilakukan sekali setahun sahaja.

Menurutnya, permohonan untuk menyediakan sistem saliran yang diperlukan di skim Merchong sudah dikemukakan kepada Ibu Pejabat Jabatan Pengairan dan Saluran (JPS) di Putrajaya.

“Kita cuba bantu dan permohonan mereka sudah dikemukakan kepada pihak atasan dan diharap ada maklum balas positif,” katanya.

Beliau menjelaskan skim Merchong sebelum ini menyumbang 50 peratus pengeluaran beras di negeri ini dan dua peratus pengeluaran beras negara.

“Pesawah di skim Merchong mampu menghasilkan kira-kira 2.9 tan padi sehektar dan kita sentiasa berusaha membantu mereka dalam usaha meneruskan aktiviti menanam padi setiap tahun,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/3/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Segera bina sistem saliran sawah



Kekurangan sumber air juga penyebab padi kurang menjadi.

KUANTAN - Pesawah skim paya Kampung Merchong, Pekan merayu pihak berkaitan menyegerakan pembinaan sistem saliran di kawasan padi mereka.

Ketua Kumpulan Pengguna Air (KPA), Mansor Ali berkata, saliran berkenaan membolehkan pesawah di kawasan terbabit dapat meneruskan tanaman padi setiap tahun tanpa bergantung kepada air hujan sepenuhnya.

Menurutnya, sistem pengairan yang tidak sempurna menyebabkan kawasan padi kurang menjadi dan ada pesawah mula berputus asa.

"Ada pesawah yang tidak mahu teruskan aktiviti penanaman padi kerana masalah untuk mendapatkan air.

"Permohonan untuk mendapatkan sistem saliran sudah lama disuarakan tetapi sehingga kini permintaan itu masih belum ditunaikan," katanya ketika dihubungi pada Isnin.

Mansor menambah, sebelum ini semua pesawah memulakan penanaman padi pada musim tengkujuh kerana mengharapkan hujan dan menggunakan sistem tabur tanpa air.

Bagaimanapun katanya, hasilnya padi tidak boleh membesar dan pesawah pula berdepan kerugian kerana bekalan air yang tidak mencukupi.

Selain itu, beliau berkata, pesawah memerlukan modal kira-kira RM3,000 bagi mengusahakan satu petak sawah semusim.

Muhamad Khalil (kiri) melihat padi yang akan dituai di sawah di Kampung Merchong, Pekan. (Pix Ihsan IADA)



"Untuk tujuan itu kebanyakan penanam padi membuat pinjaman bank sebagai modal tetapi pesawah terpaksa berhutang apabila tanaman tidak menjadi.

"Ramai pesawah tidak dapat membayar hutang apabila sawah yang diusahakan tidak menjadi disebabkan bekalan air tidak mencukupi," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pekan, Muhamad Khalil Idris berkata, seluas 4,113 hektar sawah di skim Merchong dan sebelum ini pesawah menanam padi hanya dapat dilakukan sekali setahun sahaja.

Menurutnya, permohonan untuk menyediakan sistem saliran yang diperlukan di skim Merchong sudah dikemukakan kepada Ibu Pejabat Jabatan Pengairan dan Saluran (JPS) di Putrajaya.

"Kita cuba bantu dan permohonan mereka sudah dikemukakan kepada pihak atasan dan diharap ada maklum balas positif," katanya.

Beliau menjelaskan, skim Merchong sebelum ini menyumbang 50 peratus pengeluaran beras di negeri ini dan dua peratus pengeluaran beras negara.

"Pesawah di skim Merchong mampu menghasilkan kira-kira 2.9 tan padi sehektar dan kita sentiasa berusaha membantu mereka dalam usaha meneruskan aktiviti menanam padi setiap tahun.

"Cabaran utama mereka kini ialah sistem pengairan. Pesawah yang tidak dapat mengusahakan tanaman padi mula beralih kepada menanam tanaman kontan seperti labu, jagung dan cili," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/3/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

Kerang mati dan busuk, penternak dakwa kerugian RM700,000



Para penternak terpaksa menanggung kerugian malah terpaksa menunggu sekurang-kurangnya tempoh selama empat ke lima tahun untuk menternak semula kerang disebabkan pencemaran itu. - Astro AWANI

KUALA JURU: Penternak kerang di Kuala Juru, Pulau Pinang mendakwa kerugian hampir RM700,000 selepas kerang ternakan mereka tidak dapat dipasarkan selepas kerang menjadi busuk seterusnya mati akibat pencemaran selut.

Pencemaran selut dilaporkan berlaku dikawasan ternakan seluas 28.33 hektar selepas projek mendalamkan sungai di kawasan berkenaan sejak tahun lepas.

Menurut Pengerusi Persatuan nelayan Unit B, Kuala Juru, Bahari Edin, ternakan yang diusahakan sejak Mac tahun lepas itu sepatutnya dituai pada bulan ini namun malangnya semua kerang sudah mati.

Situasi itu didakwa paling buruk dalam sejarah penternakan kerang sejak mereka mengusahakan kerang 41 tahun lepas.

"Projek kerang ni dia punya ternakan dah habis mati, busuk dalam ni. Sepatutnya bulan ini kami ceduk hasil (boleh dituai), Tapi disebabkan projek JPS mendalamkan sungai, selut itu mereka tak buang ikut perjanjian.

"Mereka (berjanji) akan buang di tepi sungai tapi sekarang ini habis selut busuk itu melarat ke tempat ternakan kerang. Kami ceduk (kerang) semua jadi macam ni.. tak boleh ambil langsung.

"Patutnya bulan Mac ini boleh kutip dah hasil dia. Kita tabur benih bulan Mac tahun 2020, sepatutnya bulan Mac 2021 boleh kutip hasil. Tapi habis (semua kerang) mati. Tak ada langsung," kata Bahari.

Bahari berkata persatuan itu mempunyai seramai 14 ahli yang kesemuanya mengharapkan pendapatan melalui hasil penternakan kerang.

Menurutnya, penternak sebelum itu menikmati hasil lumayan apabila mengutip hampir 1,000 kilogram (kg) kerang sehari dan turut memasarkannya ke pasaran luar negara seperti Thailand serta Vietnam.

Bagaimanapun, mereka kini terpaksa menanggung kerugian malah terpaksa menunggu sekurang-kurangnya tempoh selama empat hingga lima tahun untuk menternak semula kerang disebabkan pencemaran itu.

Bahari berkata, pihaknya sudah beberapa kali membuat aduan kepada pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang berhubung perkara itu namun sehingga ke hari ini tiada sebarang jawapan diterima.

"Saya harap. Pihak JPS dapat bertimbang rasa sikitlah supaya dapat bantu kami semula. Selut dah busuk dan masam, dia korek dah (sedalam) 8 kaki. (Pencemaran) merebak dan selut busuk terus. Sekurang-kurangnya empat ke lima tahun untuk pulih," luahnya.

Turut melahirkan kekecewaan sama, Abbas Noor, 61 tahun, berkata dia terpaksa menanggung kerugian malah terpaksa kembali semua ke laut mencari hasil laut selepas projek ternakan kerang itu rosak dan mati.

"Kena turun ke laut dan memukat. Tidak harap hasil kerang ni. Rasa kecewa juga sedih sebab kerang mati. Sebelum ini, OK lagi sebab projek berjalan dah. (Sekarang) kena ke laut jugalah," keluhnya.

Sementara itu, tinjauan Astro AWANI di tapak ternakan mendapati hasil kerang yang diambil penternak sudah berbau busuk dan mati.

Rugi RM700,000 ternakan kerang mati akibat pencemaran



Abbas menunjukkan kerang yang mati dan berbau busuk di Kuala Juru, Bukit Mertajam, semalam.
(Foto Dania Saad/BH)

